

## GARIS PANDUAN PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI 2023 JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

### 1. TUJUAN PERTANDINGAN

Anugerah Inovasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar 2023 diadakan untuk:

- memberi pengiktirafan secara formal kepada hasil inovasi yang diperkenalkan oleh warga Jabatan dan pihak swasta yang terlibat dalam industri penternakan.
- memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara kerja yang diamalkan.
- memperkenalkan dan menyebarkan hasil-hasil inovasi yang boleh dicontohi untuk faedah semua Warga Jabatan dan pihak swasta yang terlibat dalam industri penternakan.
- menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

### 2. KATEGORI ANUGERAH

#### 2.1 Anugerah Inovasi Industri - Produk Ternakan

Anugerah ini diberi untuk mengiktiraf dan menghargai kepada **pihak swasta, sama ada individu/berkumpulan/pertubuhan/syarikat (minimum peserta dalam kumpulan adalah 2 orang atau lebih)** yang terlibat secara aktif menghasilkan produk-produk inovasi berasaskan ternakan. Produk-produk yang dihasilkan merupakan produk baru atau penambahbaikan produk sedia ada yang bernilai komersil.

#### 2.2 Anugerah Inovasi Industri - Pengeluaran Ternakan

Anugerah ini diberi untuk mengiktiraf dan menghargai penglibatan **pihak swasta, sama ada individu/berkumpulan/pertubuhan/syarikat (minimum peserta dalam kumpulan adalah 2 orang atau lebih)** yang terlibat secara aktif dalam aktiviti pengeluaran ternakan dan mencapai tahap inovasi yang cemerlang dan unggul dalam sistem pengeluaran yang diamalkan.

#### 2.3 Anugerah Inovasi Teknologi

Anugerah ini diberikan kepada **individu atau kumpulan dalam Jabatan Perkhidmatan Veterinar (minimum peserta dalam kumpulan adalah 2 orang atau lebih)** yang telah berjaya melaksanakan inovasi serta menghasilkan teknologi baru atau menambahbaik teknologi sedia ada yang diguna pakai oleh Jabatan dan/atau industri. Ia bertujuan untuk memupuk budaya kreativiti dan inovasi di kalangan anggota Jabatan supaya dapat menghasilkan teknologi yang boleh memberi impak kepada perkhidmatan veterinar dan industri.

## 2.4 Anugerah Inovasi Perkhidmatan

Anugerah ini diberikan kepada **individu atau kumpulan dalam Jabatan Perkhidmatan Veterinar (minimum peserta dalam kumpulan adalah 2 orang atau lebih)** yang telah berjaya melaksanakan inovasi dalam bidang perkhidmatan yang disampaikan oleh Jabatan. Ia bertujuan untuk memupuk budaya kreativiti dan inovasi di kalangan anggota Jabatan dan hasilnya dapat memberi impak kepada sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan Jabatan.

## 3. HADIAH PERTANDINGAN

Wang tunai, piala (Johan) dan sijil penghargaan akan diberikan kepada semua pemenang

## 4. PENJURIAN

4.1. Penghakiman akan dibuat oleh Panel Penghakiman yang dilantik oleh Pengerusi Pertandingan Anugerah Inovasi DVS 2023. Calon-calon yang layak akan dipanggil untuk membuat pembentangan kepada Panel Juri pada tarikh yang akan ditentukan kemudian.

4.2. Kriteria penilaian bagi Anugerah Inovasi DVS 2023 adalah seperti di **Lampiran 2**

4.3. Keputusan Panel Juri adalah **muktamad**.

## 5. PENCALONAN

5.1. Pengesahan pencalonan untuk kesemua Kategori boleh dikemukakan oleh Pengarah Bahagian, Pengarah Negeri, Ketua Seksyen, Pengarah Institut/Makmal Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

5.2. Setiap penyertaan mestilah merupakan **hasil inovasi/idea asal dan bukan hak milik orang lain. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya didapati hasil yang dikemukakan tidak asli/ciplak.**

5.3. Borang pencalonan boleh didapati di laman web: **<http://research.dvs.gov.my/portal/>**

5.4. Peserta hendaklah menghantar penyertaan melalui email kepada urus setia [sharil@dvs.gov.my](mailto:sharil@dvs.gov.my) atau [sharil848@gmail.com](mailto:sharil848@gmail.com) seperti berikut:

### i. Laporan/Penerangan Projek

- Laporan tersebut hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:
  - Tajuk Projek
  - Pengenalan

- Latar Belakang Projek
  - Isu / Permasalahan Projek / sebab projek dilaksanakan
  - Matlamat Projek
  - Inovasi sebelum dan selepas projek
  - Output/Outcome/Impak Projek
  - Gambar / Ilustrasi sebelum / selepas pelaksanaan projek dan gambar yang berkaitan
- Laporan hendaklah bertaip dan dimuatnaik dalam format **.pdf** atau **.docx**

**ii. Borang pencalonan (seperti di Lampiran 3)**

- Borang pencalonan hendaklah dimuatnaik dalam format **.pdf** atau **.docx**

**iii. Gambar individu/kumpulan**

- Gambar individu/kumpulan hendaklah dimuatnaik dalam format **.jpeg**

**5.5.** Tarikh tutup pencalonan adalah pada **3 JULAI 2023 jam 5 petang.**

**6. MAKLUMAT LANJUT**

**6.1** Penerangan Anugerah Inovasi ini juga boleh didapati di laman web:



**<http://research.dvs.gov.my/portal/>**

**6.2** Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:

**Berkaitan Anugerah Inovasi DVS**

**Sharil Azwan bin Mohd Zain**

**Tel: 03-8870 2273**

**[sharil@dvs.gov.my](mailto:sharil@dvs.gov.my)**

**Berkaitan Teknikal/Portal Penyelidikan**

**Fakhrulisham bin Razali**

**Tel: 03-8870 2273**

**[fakhrul@dvs.gov.my](mailto:fakhrul@dvs.gov.my)**

**CARTA ALIR PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR 2023**

